



## IWK Eco Park @ Pantai Dalam sedia pelbagai kemudahan untuk komuniti

Suraya Ali - Mei 26, 2023 @ 10:12pm  
suraya.ali@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Dalam usaha menyokong gaya hidup sihat, syarikat pembetungan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd menyedia dan menguruskan taman sukan serta rekreasi, IWK Eco Park @ Pantai Dalam, di sini untuk kemudahan orang ramai.

Terletak di atas Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2, kawasan seluas 12 hektar itu hanya kira-kira 10 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur, bersebelahan beberapa Projek Perundahan Rakyat (PPR) di Pantai Dalam.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, M Narendran, berkata kemudahan awam itu dibina di atas loji rawatan air kumbahan berpusat, loji bawah tanah dan yang terbesar di rantau Asia Pasifik.

"Loji ini berupaya memproses air kumbahan daripada kira-kira 1.43 juta penduduk atau lebih tepat hampir sebahagian besar penduduk di kawasan Kuala Lumpur dan sebahagian dari Petaling Jaya.

"Luas keseluruhan kompleks loji serantau Pantai 2 ini 17 hektar, merangkumi keluasan Eco Park seluas 12 hektar. Apa yang menarik di taman ini, disediakan pusat sukan dan rekreasi setempat di mana terdapat pelbagai kemudahan.

"Pastinya, tiada lagi perasaan tidak senang bila orang ramai mendekati loji rawatan kumbahan kerana bila anda di sini, mungkin anda tidak terfikir pun yang anda sedang berada di atas atau berdekatan loji kumbahan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian IWK Eco Park @ Pantai Dalam di sini, malam ini yang disempurnakan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil.

Sementara itu, Fahmi berkata, IWK Eco Park @ Pantai Dalam menawarkan dewan komuniti serba guna untuk perayaan, majlis dan acara korporat, bilik mesyuarat, kawasan berkelah dan BBQ, trek jogging dan berbasikal.

"Ada juga pelbagai kemudahan sukan termasuk gelanggang badminton, futsal, tenis, sepak takraw dan banyak lagi. Taman ini menggabungkan seni landskap dan reka bentuk kejuruteraan berserta pelbagai kemudahan yang dikelilingi kehijauan alam," katanya.

Malah, katanya, beliau sendiri sering memilih IWK Eco Park untuk apa juga aktiviti kemasyarakatan bersama rakyat sejak memegang amanah sebagai Ahli Parlimen Lembah Pantai.

"Ruang ini sesuai untuk semua jenis aktiviti dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada IWK atas segala inisiatif yang telah dan akan dijalankan di IWK Eco Park @ Pantai Dalam," katanya.

Selain itu, tapak perniagaan turut disediakan bagi memberi peluang peniaga kecil menjana pendapatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai IWK Eco Park @ Pantai Dalam atau tempahan kemudahan sukan atau rekreasi, layari [www.ecopark.iwk.com.my](http://www.ecopark.iwk.com.my) atau hubungi 03-22420420.